

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Apa kata Saudara Mughtar Lubis

"KEPIMPINAN Mahathir. Mughtar kagum," kata sebuah kepala muka hadapan di Berita Minggu Mei 23, 1982. Berita selanjutnya yang berpuncu dari Johor Baru berkata, wartawan dan sasterawan Mughtar Lubis dari Indonesia kagum terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir. "Beliau itu sangat bijaksana dan berfikiran terbuka dan rasional," katanya dalam pertemuan dengan Berita Minggu.

Menurut Mughtar Lubis, dengan memasukkan Anuar Ibrahim pemimpin ABIM, ke dalam kerajaan, Datuk Seri Dr. Mahathir sebenarnya menghargai pengkritik-pengkritik yang jujur dan berwibawa....

Tambah Mughtar Lubis, "Hanya pemimpin yang berjaya besar dan terbuka seperti Datuk Seri Dr. Mahathir mampu melaksanakan hal seperti itu".

Mughtar Lubis juga menegaskan pentingnya pemerintah menghargai dan memelihara kebebasan serta membenarkan suara-suara jujur pengkritik demi membina perjalanan pemerintahan, jika ada yang dipandangnyanya bersalahan.

Bellau lebih-lebih lagi gembira mendengar Perdana Menteri adalah seorang yang sangat menghargai fikiran intelektual, berminat besar dalam penulisan dan rajin membaca. "Unsur ini, saya rasa, menyebabkan bellau berfikiran kreatif, terbuka dan berjaya besar," katanya.

\* \* \*

### Komen Penulis:

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Saudara Mughtar Lubis (wartawan dan sasterawan Indonesia yang terkenal) itu menjelaskan maksudnya sendiri maka komen penulis mengenalnya tidaklah begitu panjang.

Terlebih dahulu penulis suka menyentuh dua perkara "penting" (perkataan yang dengan kebetulan paling di "gemari" oleh para pembaca berita RTM kita) mengenai subjek yang sama. Pertama, Mughtar Lubis adalah seorang rakyat Indonesia yang bermastautin di Indonesia. Oleh itu tidak siapa boleh menyoal kejujuran atau keikhlasan Mughtar Lubis bila bellau menyuarakan pandangan mengenal Dr. M. Seperti di kisahkan tadi — atas alasan bellau didorongkan oleh "local politics" ataupun kepentingan peribadi.... Kedua, seperti penulis pernah kisahkan di halaman ini bahawa seseorang "orang luar" yang berdiri jauh dari sesebuah bangunan akan lebih berkebolehan menaiki kelindahan (ataupun "kehuduhan", berasal dari perkataan huduh) bangunan berkenaan daripada seseorang "orang dalam" yang menduduki bangunan yang sama, (yang tidak pernah memerhatikannya dari jauh).

Berbalik kepada apa yang diperkatakan oleh saudara Mughtar Lubis tadi, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir, "Berjaya besar, berfikiran terbuka dan rasional" dan dengan itu tambahnyanya, bellau "menghargai dan memelihara kebebasan serta

membenarkan suara-suara pengkritik demi membina perjalanan pemerintahan, jika ada yang dipandangnyanya bersalahan."

### Catitan Khas:

Sebaliknya, seperti berulang kali dicatitkan di halaman ini, bahawa pemimpin-pemimpin yang "berjaya kecil", yang berfikiran tertutup (ataupun "sempit") dan yang "kurang rasional" (dalam konteks mementingkan kuasa peribadi yang tidak terhad di atas segala-galanya....) tidak akan membenarkan apa jua jenis teguran ataupun kritikan (meskipun yang ikhlas dan membina sekalipun) dari mana jua pihak — lebih-lebih lagi dari mass media. Kerana, seperti di sarankan oleh Prince Charles baru-baru ini, bahawa bagi pemimpin-pemimpin dari kategori ini (baik dari Sayap Kanan mahupun Sayap Kiri) hidup mati mereka bergantung kepada kebolehan mereka menekenkan, mengontrol, dan memutarbelitkan mass media untuk kepentingan mereka semata-mata. Dan melalui "penutupan" mulut pengkritik dan "pembekuan" pena wartawan dan sasterawan, tidak lagi akan terdapat di negara berkenaan golongan manusia yang boleh "membuka mata" rakyat dan menyedarkan mereka terhadap kezaliman, kecurangan, "kekotoran", kekejaman dan ketidak cekapan pemerintahan pemimpin-pemimpin berkenaan. Oleh itu, rakyat yang berada dalam "kejahilan" akan meng-"amin"-kan apa sahaja yang mereka (yakni, para pemimpin) laku, perkata dan "decree"kan.... Dan dengan cara ini, para pemimpin (yang gila kuasa itu) berharap mengekalkan pemerintahan mereka bagi selamat-lamanya?